

Bila mangsa rogol terus teraniaya

Akhir-akhir ini, beberapa akhbar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris hangat melaporkan kejadian rogol berkumpul di Kelantan, di mana akhbar-akhbar berkenaan telah menyimpulkan bahawa lebih 30 lelaki disyaki telah merogol 2 orang remaja perempuan.

Pihak Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang (*WCC*), bersama dengan Persatuan Kesihatan Reproduksi Kelantan (*Reproductive Health Association of Kelantan (ReHAK)*) amat kkuatir tentang kebajikan kedua-dua kanak-kanak perempuan tersebut, yang dipercayai merupakan mangsa jenayah rogol berkumpul dengan saspek-saspek disyaki paling ramai pernah dilaporkan di Malaysia.

Akta Kanak-Kanak 2001 jelas menyatakan bahawa sesiapa yang berusia bawah 18 tahun adalah merupakan kanak-kanak dari segi undang-undang. Turut termaktub dalam undang-undang bahawa atas ketidakmatangan mereka, setiap kanak-kanak berhak memperoleh perlindungan dan pemeliharaan penuh dalam semua keadaan sekalipun.

Malangnya, didapati begitu banyak penyebaran maklumat yang boleh mengenalpasti salah seorang kanak-kanak perempuan yang dipercayai telah cedera parah berikutan kejadian rogol tersebut. Maklumat peribadi berkenaan kanak-kanak ini telah terdedah melalui beberapa laporan media, dan lebih buruk lagi, melalui media sosial seperti *facebook*. *WCC* dan *ReHAK* amat musykil bagaimana butir-butir tersebut dapat disiarkan secara berleluasa sedangkan siasatan polis masih berjalan dan kerahsiaan kes wajar diutamakan? Kami percaya fokus dan kesegeraan di sini sewajarnya adalah untuk merawat kecederaan kanak-kanak tersebut, yang mungkin mengalami trauma fizikal dan mental yang amat teruk, termasuk dari aspek kesihatan reproduktif beliau.

Sebaran maklumat peribadi kanak-kanak ini amat mengecewakan kerana ia bukan sahaja suatu jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak, malah turut menambah beban mangsa yang masih perlu meneruskan hidup dan menghadapi masyarakat setempat. Sebagai mangsa kanak-kanak, beliau berhak dilindungi dan adalah menjadi tanggungjawab semua untuk membantu beliau sebagaimana perlu. Malah menurut prinsip Syariah sekalipun, umat Islam wajar menjaga maruah dan menghormati sensitiviti mangsa dan keluarganya, serta dilarang menghebahkan maklumat yang boleh mengaibkan orang lain apatah lagi dalam kes sebegini yang melibatkan kanak-kanak.

Selanjutnya, *WCC* dan *ReHAK* turut kkuatir tentang kebajikan seorang lagi kanak-kanak perempuan yang dilaporkan telah diperintah tahan reman selama seminggu. Gambar pada laporan akhbar tersebut jelas menunjukkan kanak-kanak tersebut digari seakan-akan beliau telah melakukan jenayah berat. Jika benar sepertimana sebahagian laporan akhbar bahawa kanak-kanak tersebut telah buat laporan polis bahawa beliau telah turut dirogol, kenapa beliau sebagai pengadu perlu ditahan di penjara? Sekiranya beliau perlu disiasat kerana disyaki bersubahat sekalipun, beliau masih kanak-kanak dan atas faktor usia, beliau tidak perlu terus ditahan sementara laporan beliau disiasat.



Sebaliknya, jika pemeriksaan fizikal terhadap kanak-kanak ini masih belum dibuat, WCC dan ReHAK mencadangkan agar kanak-kanak dirujuk serta-merta ke hospital berkenaan sepertimana prosedur *One Stop Crisis Centre* (OSCC). Siasatan jenayah secara profesional dipercayai boleh diteruskan dengan disokong hasil pemeriksaan doktor, tanpa perlu menahan kanak-kanak tersebut begitu lama selama seminggu di penjara. Pemeriksaan doktor ini amat mustahak dan perlu dilaksanakan segera dari segi pembuktian jenayah, sebagai menyokong pendakwaan di mahkamah kelak. Selain itu, tiada fakta yang mencadangkan kanak-kanak ini adalah penjenayah tegar atau merupakan saspek jenayah berat. Oleh yang demikian, kanak-kanak perempuan ini sewajarnya dilepaskan serta-merta dengan bon kepada ibu, bapa atau penjaganya, sepertimana jelas diperuntukkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001.

Budaya serta-merta meragui kanak-kanak yang melaporkan kejadian rogol perlu dielakkan. Amalan hebah maklumat kes dalam pelbagai media mesti dihentikan. Tindakan “penjara dulu, baru siasat” juga turut perlu diubah. Kejadian dan tindakan yang diambil membayangkan kedudukan kita sebagai sebuah masyarakat dan haruslah disedari kesan yang ditanggung oleh kanak-kanak dan keluarga mereka bukan berlalu dalam masa yang singkat. Jika begini kesannya bila laporan polis dibuat, lebih ramai orang awam terutamanya kanak-kanak akan mendiamkan saja sengsara keganasan yang dialami dan makin takut buat laporan. Adakah ini amalan yang ingin kita galakkan?

***Melissa Mohd Akhir, Women's Centre for Change, Penang (WCC), dan
Professor Siti Hawa Ali Persatuan Kesihatan Reproktif Kelantan (ReHAK)
2 Jun 2014***